

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

**[THE RELEVANCE OF FATWA ON ZAKAT DISTRIBUTION AS A SOCIAL ASSURANCE SYSTEM FOR MUSLIM COMMUNITIES IN TERENGGANU]**

**KERELEVANAN FATWA MENGENAI PENGAGIHAN ZAKAT SEBAGAI SUATU SISTEM JAMINAN SOSIAL MASYARAKAT ISLAM DI TERENGGANU**

WAN ZULKIFLI BIN WAN HASSAN<sup>1</sup>  
NABILAH BINTI ABDULLAH<sup>2</sup>  
MOHD ARIP BIN KASMO<sup>1</sup>  
NAZRI BIN MUSLIM<sup>1</sup>  
JAMSARI BIN ALIAS<sup>1</sup>  
AZIZI UMAR<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Pusat Citra Universiti (CITRA UKM)

<sup>2</sup> Pegawai Perkhidmatan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia

Received Date: 7 April 2016 • Accepted Date: 28 July 2016

**Abstract**

*The zakat institution plays an important role in preaching the rules of conducts and doctrines based on syari'ah for Muslim community lives. Among others, the zakat institution plays a vital role in explaining the community on the zakat management system. This is due to the fact that zakat, when managed wisely will help to eradicate poverty in the Muslim community. Current practise in Terengganu shows that there are a number of illegitimate 'amil (zakat collectors) whom are not appointed by the government. Thus, this paper emphasises on the relevancy of fatwa in making the payment and management of zakat becomes much more sustainable, and thus making it more justifiable, and beneficial to the social stability among Muslims in Terengganu. The research found out that the fatwa given by the office of the mufti and his committees is very much relevant with the need of the community, which is, that the zakat (almsgiving) properties need to be managed efficiently and distributed equally to the target groups so that the sustainable of the social welfare in Terengganu is well taken care of.*

*Keywords: relevancy, fatwa, zakat distribution, social justifying system, community, Terengganu.*

**Abstrak**

Institusi fatwa memainkan peranan yang penting dalam penyebaran maklumat hukum kepada masyarakat Islam agar kehidupan mereka berlandaskan syariah. Antara usaha yang dimainkan oleh institusi fatwa di Terengganu adalah menjelaskan kepada masyarakat berhubung pengurusan sistem pengurusan zakat. Ini kerana zakat merupakan salah satu kaedah yang boleh menyelesaikan bebanan kemiskinan yang melanda masyarakat Islam. Dalam situasi yang ada di Terengganu, pengurusan pembayaran dan agihan zakat ini bukan sahaja dilakukan oleh pihak

pemerintah, bahkan terdapat juga segelintir masyarakat yang bertindak seolah-olah sebagai amil meskipun tidak dilantik oleh pihak pemerintah. Justeru artikel ini menumpukan kepada kerelevanan fatwa dalam melestarikan pengurusan pengagihan zakat agar ia dapat diagihkan kepada golongan yang benar-benar memerlukannya sekaligus dapat mewujudkan satu sistem jaminan sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu. Kajian mendapati, fatwa yang dikemukakan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa relevan dengan keperluan masyarakat agar harta zakat diurus dengan lebih efisien dan tersusun serta dapat diagihkan kepada kumpulan sasaran sekaligus dapat menjamin kelestarian sistem sosial masyarakat Islam di Terengganu.

**Kata kunci:** Kerelevanan, Fatwa, Pengagihan zakat, Jaminan Sosial, Masyarakat, Terengganu

**Cite as:** Wan Zulkifli Bin Wan Hassan, Nabilah Binti Abdullah, Mohd Arip Bin Kasmu, Nazri Bin Muslim, Jamsari Bin Alias, & Azizi Umar. 2016. Kerelevanan Fatwa Mengenai Pengagihan Zakat Sebagai Suatu Sistem Jaminan Sosial Masyarakat Islam di Terengganu. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 13(2): 27-44.

## PENDAHULUAN

Secara umumnya menunjukkan institusi fatwa di Terengganu dilihat sebagai pandangan rasmi negeri berkenaan hukum-hakam agama dan diletakkan di bawah bidang kuasa mufti dan jawatankuasa fatwa. Mufti dan jawatankuasa fatwa adalah badan tertinggi yang dijadikan rujukan masyarakat Islam mengenai persoalan yang menyentuh aspek hukum syarak. Institusi ini diberi iktiraf oleh undang-undang Islam negeri Terengganu. Di samping itu juga, mufti sebagai seorang yang pakar dalam bidang hukum syarak diperlukan juga dalam kes-kes yang melibatkan mahkamah. Antara perkara yang dititik beratkan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa adalah masalah yang berkaitan dengan zakat dan pengurusannya. Bagi tujuan ini, artikel ini akan membincangkan beberapa fatwa berkaitan pengurusan zakat dari sudut pengagihan. Adakah tugas pengagihan tersebut hanya boleh melalui pemerintah atau “amil yang dilantik oleh pemerintah atau ia boleh dilakukan melalui “amil yang dilantik dalam kalangan masyarakat sendiri tanpa persetujuan pemerintah. Terdapat beberapa persoalan yang ditimbulkan oleh masyarakat berhubung permasalahan tersebut. Dengan keputusan fatwa tersebut diharap dapat mewujudkan kestabilan sosial dalam kalangan masyarakat Islam di Terengganu.

## ISU-ISU FATWA ZAKAT

Berdasarkan fatwa-fatwa zakat yang telah dikumpulkan dari tahun 1953 hingga 2015, dilihat ia melibatkan tajuk mengenai masalah zakat fitrah dan zakat harta. Bagi memudahkan perbincangan tentang tajuk-tajuk yang diutarakan dalam fatwa zakat, ia boleh dipecahkan kepada 5 kumpulan yang besar iaitu pertama, kewajipan zakat dan kedudukannya di dalam Islam, kedua; harta-harta yang dikenakan zakat dan perkara yang berkaitan dengannya, ketiga; *asnaf* (mereka yang berhak menerima harta zakat), keempat; urusan pengeluaran, pengagihan dan pentadbiran harta zakat dan kelima; zakat fitrah.

Terdapat dua fatwa zakat yang dikemukakan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa yang menyentuh mengenai kewajipan zakat dan kedudukannya di dalam Islam iaitu fatwa mengenai

orang yang baru memahami dan menyedari kewajipan mengeluarkan zakat dan fatwa tentang zakat diwajibkan setiap tahun.

Dalam masalah yang menyentuh tentang harta-harta yang dikenakan zakat dan beberapa perkara yang berkaitan dengannya merupakan fatwa yang terbanyak ditanya oleh masyarakat iaitu 52 fatwa dikeluarkan. Ia boleh dikategorikan mengikut jenis-jenis harta dan hukum yang berkaitan dengannya. Ini memandangkan pelbagai jenis dan perkara yang berkait dengannya sebahagiannya memerlukan kepada kesimpulan hukum yang menepati dengan kehendak masa dan suasana.

Untuk melihat dengan lebih jelas tentang jumlah fatwa dalam masalah yang menyentuh tentang harta-harta yang dikenakan zakat dan beberapa perkara yang berkaitan dengannya adalah sebagaimana dalam Jadual 1 di bawah (Wan Zulkifli. 2009; Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2015):

Jadual 1: Statistik Jumlah Fatwa Zakat Mengenai Harta-Harta Yang Dikenakan Zakat Dan Perkara Yang Berkaitan

Bil	Tajuk	Jumlah	Peratus
1	Syarat-Syarat Am Bagi Harta Yang Dikenakan Zakat	14	27
2	Zakat Emas, Perak dan Wang Ringgit	11	21
3	Zakat Harta Perolehan	3	6
4	Zakat Pertanian	12	23
5	Zakat Perniagaan	12	23
Jumlah		52	100

Antara permasalahan yang diajukan kepada Mufti dan Jawatankuasa Fatwa adalah mengenai *asnaf* atau golongan yang berhak menerima zakat. Ini memandangkan terdapat 19 fatwa mengenainya yang dibincangkan dalam fatwa tentang zakat. Untuk melihat dengan lebih jelas jumlah fatwa zakat mengenai *asnaf* atau golongan yang berhak menerima zakat, lihat dalam jadual 2 sebagaimana berikut (Wan Zulkifli. 2009):

Jadual 2: Statistik Jumlah Fatwa Zakat Mengenai *Asnaf*

Bil	Tajuk	Jumlah	Peratus
1	Fakir dan Miskin	3	15
2	'Amil	6	32
3	<i>Sinf fi Sabil Allah</i>	4	21
4	Lain-Lain Masalah	6	32
Jumlah		19	100

Antara fatwa zakat yang banyak dikeluarkan ialah fatwa yang menyentuh mengenai urusan pentadbiran, pengeluaran dan pengagihan zakat, terdapat 22 fatwa yang berkaitan dengannya. Untuk melihat dengan lebih jelas tentang jumlah fatwa dalam masalah yang menyentuh tentang pengeluaran, pengagihan dan pentadbiran harta zakat adalah sebagaimana dalam jadual 3 di bawah (Wan Zulkifli. 2009; Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2015):

Jadual 3: Statistik Jumlah Fatwa Zakat Mengenai Pengeluaran, Pengagihan Dan Pentadbiran Harta Zakat

Bil	Tajuk Fatwa	Jumlah	Peratus
1	Pengeluaran	9	41
2	Pengagihan	8	36
3	Pentadbiran	5	23
Jumlah		22	100

Berpandukan jadual di atas, boleh dirumuskan bahawa antara masalah yang dianggap kerap ditanya oleh masyarakat ialah mengenai pengeluaran iaitu 9 fatwa atau 431 peratus, diikuti oleh fatwa mengenai pengagihan harta zakat iaitu sebanyak 8 fatwa atau 36 peratus daripada jumlah keseluruhan fatwa mengenai pengagihan harta zakat. Manakala fatwa mengenai pentadbiran harta zakat hanya 4 fatwa atau 23 peratus sahaja.

Jadual di atas juga menunjukkan masyarakat Islam mengambil berat tentang proses pengeluaran zakat agar ia menepati dengan kehendak syarak. Masalah ini bukan hanya melibatkan harta-harta yang zahir seperti padi tetapi harta-harta yang tidak zahir juga turut dilibatkan seperti wang ringgit dan sebagainya. Di samping itu, proses pengeluaran zakat kebanyakan dibayar kepada pihak pemerintah atau pihak yang dilantik oleh pemerintah (Wan Zulkifli. 2009; Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2015).

Terdapat 21 fatwa yang membincangkan mengenai zakat fitrah. Ia merupakan antara fatwa yang sering dikeluarkan oleh mufti dan Jawatankuasa Fatwa. Untuk melihat dengan lebih jelas tentang jumlah fatwa yang menyentuh berkenaan zakat fitrah. Ia boleh dikategorikan sebagaimana dalam jadual 4 di bawah (Wan Zulkifli. 2009; Portal Rasmi Fatwa Malaysia. 2015):

Jadual 4: Statistik Jumlah Fatwa Zakat Mengenai Zakat Fitrah

Bil	Tajuk Fatwa	Jumlah	Peratus
1	Kewajipan Zakat Fitrah	6	29
2	Waktu Pengeluaran Zakat Fitrah	2	9
3	Urusan Pengeluaran dan Pengagihan Zakat Fitrah	13	62
Jumlah		21	100

Setelah meneliti dan membuat kajian daripada keseluruhan fatwa, mendapati fatwa-fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa di Terengganu meliputi hampir keseluruhan aspek kehidupan dan aktiviti masyarakat termasuk aspek ibadat zakat. Bahkan zakat dianggap antara fatwa yang paling kerap dikeluarkan oleh Mufti dan JK Fatwa dalam pelbagai masalah iaitu 111 fatwa. Dari penelitian yang telah dibuat juga, terdapat beberapa fatwa zakat yang mempunyai tajuk yang sama dan sebahagian besar yang lain mempunyai tajuk yang berbeza di antara satu sama lain semenjak tempoh tersebut (Wan Zulkifli, 2009).

Dari sudut penguatkuasaan, tiada satu pun fatwa mengenai zakat yang dikeluarkan secara Warta oleh mufti dan jawatankuasa fatwa yang boleh dikuatkuasakan ke atas masyarakat Islam di Terengganu. Ini memandangkan hanya beberapa fatwa sahaja diwartakan yang kebanyakannya melibatkan aspek akidah dan sebahagian kecil sahaja yang melibatkan aspek Syariah. Tambahan pula, majoriti fatwa zakat dikeluarkan dianggap sebagai satu pandangan dan panduan kepada masyarakat tanpa dikuatkuasakan ke atas masyarakat Islam di Terengganu.

Justeru mereka bebas untuk mengamalkannya ataupun tidak fatwa-fatwa tersebut kerana tidak ada tindakan yang akan dikenakan bagi mereka yang enggan mengikut fatwa-fatwa tersebut.

Masalah pengagihan juga dilihat diberi perhatian serius oleh mereka yang diamanahkan untuk melaksanakan tanggungjawab tersebut. Ini menggambarkan mereka juga perlu mengetahui dengan teliti berkenaan proses pengagihan harta zakat agar ia dapat diterima dengan sempurna oleh mereka yang berhak menerimanya. Dalam pada itu, pihak yang diamanahkan perlu mentadbir harta zakat supaya tidak berlaku penyalahgunaan harta zakat yang sepatutnya diagihkan kepada mereka yang berhak menerimanya.

## **ANALISIS FATWA MENGENAI PENGAGIHAN ZAKAT**

Terdapat beberapa fatwa yang membincangkan secara khusus mengenai pihak yang berhak mengagihkan perolehan harta zakat dan mereka yang berhak menerima zakat di sekitar negeri Terengganu. Fatwa tersebut bukan sahaja melibatkan zakat harta benda tetapi juga termasuk fatwa yang berkaitan zakat fitrah.

## **PENGAGIHAN ZAKAT OLEH PEMERINTAH**

Antara jawapan fatwa yang membincangkan masalah pengagihan adalah fatwa terhadap soalan bilangan 51(1) dalam "Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)". Pertanyaan yang ditimbulkan adalah mengenai pemerintah yang mengagihkan harta zakat.

Dalam menjawab berhubung masalah ini, mufti dilihat masih lagi bersandarkan kepada pendapat ulama dalam mazhab Shafici. Ini memandangkan Mufti memuatkan pandangan Imam al-Nawawi dari mazhab Shafi'ei berhubung kes pembahagian harta zakat yang dilakukan sendiri oleh pemerintah.

Beliau menegaskan Imam ataupun pemerintah yang mengambil tanggungan sendiri untuk membahagikan zakat fitrah atau zakat harta, wajiblah ia membahagikan zakat itu kepada semua sekali *asnaf* yang ada dan tidaklah harus ditinggalkan mana-mana satu *asnaf* atau bahagian daripada mereka itu tanpa berlaku perselisihan ulama. Namun harus bagi pemerintah membahagikan zakat seseorang kepada seorang penerima dan zakat dua orang atau lebih kepada seorang penerima dengan syarat ia tidak membezakan antara satu *asnaf* dari *asnaf* yang lain dengan melebihkan yang satu atas yang lain (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th).

Pandangan mufti di atas nampaknya amat jelas berpandukan pendapat ulama iaitu Imam al-Nawawi meskipun tidak menyebut sumber rujukan. Menurut penganalisisan penulis, pandangan Imam al-Nawawi di atas berdasarkan kepada penulisannya dalam kitab al-Majmu'. Di dalam kitab tersebut ada menyatakan (al-Nawawi. 1997):

*Maka ada pun Imam ataupun pemerintah yang mengambil tanggungan sendiri untuk membahagikan zakat fitrah atau zakat harta, wajiblah ia membahagikan zakat itu kepada semua sekali asnaf yang ada dan tidaklah harus ditinggalkan mana-mana satu asnaf atau bahagian daripada mereka itu tanpa khilaf lagi. Namun harus bagi pemerintah itu membahagikan zakat orang seseorang*

*kepada seorang penerima dan zakat dua orang atau lebih kepada seorang penerima dengan syarat ia tidak membezakan antara satu asnaf dari asnaf yang lain dengan melebihkan yang satu atas yang lain.*

Pemilihan mufti kepada pandangan al-Nawawi menggambarkan fatwa tersebut menepati dengan kaedah istislah yang memenuhi kehendak mereka yang berhak menerima zakat kerana dalam beberapa keadaan zakat tidak dapat diagihkan kepada semua *asnaf* yang menyebabkan pengagihan zakat hanya terhad kepada mereka yang ada sahaja. Fatwa di atas jelas mengambil kira pandangan mazhab Shafici walaupun tidak disertakan rujukan dalam jawapan terhadap soalan yang ditanya. Ini membuktikan pengagihan zakat oleh pemerintah dilihat boleh mewujudkan satu sistem jaminan sosial dalam kalangan masyarakat Islam dan menstabilkan sosial mereka di Terengganu. Hal ini dikatakan demikian kerana pemerintah dianggap pihak yang berautoriti dalam menguruskan maslah yang berkaitan masyarakat dan mengetahui siapa yang berhak dan siapa yang tidak berhak menerima bantuan zakat.

### **ZAKAT KEPADA ORANG MISKIN YANG TIDAK MENUNAIKAN SEMBAHYANG**

Selain itu timbul soalan pada bilangan 94 (5) dalam "Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970)" mengenai hukum membayar zakat kepada orang miskin yang tidak menunaikan sembahyang.

Berhubung persoalan di atas, nampaknya mufti memilih pandangan yang dikemukakan oleh ulama Shafi'ei dan Maliki meskipun beliau tidak menyebut sumber rujukannya. Oleh itu mufti menegaskan bahawa jika orang miskin itu beragama Islam, maka harus diberikan kepadanya harta zakat tersebut sekalipun melakukan perkara fasiq seperti meninggalkan sembahyang. Ini kerana dia termasuk di dalam salah satu *asnaf* yang lapan (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th, masalah ke- 94 (5)).

Menurut ulama mazhab Maliki, harus diberikan zakat kepada seseorang yang melakukan kerja fasiq selagi mana dia dalam keadaan beragama Islam. Tujuan berbuat demikian adalah untuk memulihkan keadaan amalannya dan menghormati sifatnya sebagai manusia. Keharusan ini berlaku selagi mana dia tidak menjadikan hasil dari pemberian harta tersebut untuk mengekalkan lagi perbuatan maksiat dan kerja fasiqnya (al-Dusuqi. t.th; Muhammad b. Yusuf. 1398H).

Fatwa mufti di atas juga boleh disesuaikan dengan fatwa Ibn Hajar. Beliau mengatakan dia (orang fasiq) itu berhak mendapat peruntukan zakat jika dia dapat menjaga kemaslahatan agama dan hartanya disebabkan pemberian tersebut. Jika tidak, harta zakat tersebut akan dikawal pengurusannya oleh walinya (penjaga) (al-Sayyid al-Bakri. t.th).

Sementara itu, menurut Imam al-Nawawi, jika seseorang itu telah baligh tetapi masih lagi meninggalkan kewajipan solat dan berkecualan dalam melakukan perbuatan tersebut, maka tidak harus diberikan zakat kepadanya kerana dia dianggap safih (bodoh). Bahkan diberikan kepada penjaganya untuk menerima bagi pihaknya. Hal ini berbeza jika seseorang baligh dalam keadaan dia menunaikan kewajipan solat dan mempunyai sifat cerdik kemudian dia meninggalkan solat, padahal tidak dihalang (menguruskan harta) ke atasnya disebabkan kebodohnya (safih), maka sah ia menerima zakat dengan sendiri. Begitu juga dia boleh menguruskan harta (hasil daripada zakat) tersebut dengan sendirinya (al-Sharbini. t.th).

Antara alasan mengapa mufti memilih pandangan ulama Shafici dan Maliki adalah dilihat dari sudut kewajarannya iaitu untuk memberi kesedaran dan keinsafan kepada mereka yang miskin tetapi meninggalkan sembahyang. Dengan demikian di akhir jawapan fatwa disebut "mungkin dengan sebab pemberian yang diberikan kepadanya itu, ia akan bertaubat dan mendirikan sembahyang" (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th, masalah ke- 94 (5). Ungkapan tersebut jelas menggambarkan hasrat yang dikehendaki dalam fatwa tersebut agar langkah tersebut sebagai dorongan (*fath al-dhara'i*) ke arah yang lebih baik.

Sementara itu, fatwa di atas jelas bertentangan dengan sebahagian pandangan dalam mazhab Hanbali yang dilihat berbeza dengan pandangan mazhab Maliki dan pandangan ulama Shafi'ei. Ulama dalam mazhab Hanbali nampaknya amat tegas berhubung masalah di atas. Bagi mereka, sesiapa yang meninggalkan solat dan melakukan perkara-perkara yang boleh membawa kepada kemungkaran kepada Allah s.w.t, haram diagihkan harta zakat kepadanya (al-Hanbali al-Ba'li Badr al-Din. 1986).

Pandangan ulama Hanbali nampaknya tidak mempunyai perbezaan yang ketara dengan pandangan mazhab Zaidiyyah. Menurut mazhab Zaydiyyah, orang fasiq tidak berhak menerima bahagian daripada zakat kerana dia dianggap seperti orang kaya. Justeru tidak halal baginya mengambil harta zakat kecuali bila dia termasuk petugas zakat atau termasuk golongan mu'alaf (al-Qaradawi. 2000).

Dari penjelasan yang diutarakan di atas, jelas menggambarkan bahawa fatwa yang dikemukakan oleh mufti di atas masih terikat dengan doktrin hukum yang diolah dalam kitab fiqh mazhab Shafi'ei walaupun di sana terdapat pandangan yang sama dalam mazhab yang lain. Dalam pada itu, fatwa di atas dilihat dari sudut keadilan sosial dalam pengagihan zakat meskipun terdapat sebahagian penerima zakat kurang menitik beratkan tentang amalan agama, tetapi sekurang-kurangnya dengan pemberian zakat tersebut boleh merubah sikap mereka dan memperbaiki ekonomi mereka.

## **AGIHAN ZAKAT KEPADA MANGSA BANJIR**

Terdapat permohonan fatwa mengenai hukum mengagihkan peruntukan zakat kepada mangsa banjir. Dalam memberi jawapan terhadap permohonan tersebut, mufti dan jawatankuasa fatwa membuat keputusan bahawa mangsa banjir tidak termasuk di dalam mana-mana *asnaf* zakat yang lapan (Minit Mesyuarat Kali Pertama, Penggal Pertama, 15 Jamadil Akhir 1408 bersamaan 24 Januari 1988).

Jawapan yang dikemukakan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa terhadap masalah di atas juga tidak menyatakan sumber rujukan dan pandangan dari mana-mana fuqaha'. Walau bagaimanapun menurut pemerhatian penulis persoalan di atas boleh disesuaikan dengan perbincangan para fuqaha' dalam masalah sasaran dalam pengagihan zakat.

Menurut pengamatan penulis, meskipun fatwa yang diputuskan secara bertulis oleh mereka di atas dilihat sekadar mengambil secara umum peruntukan kepada *asnaf* yang disebut di dalam al-Qur'an, namun penulis percaya mereka (mufti dan jawatankuasa fatwa) telah melihat dengan lebih terperinci terhadap pengertian setiap *asnaf* yang layak diagihkan zakat kepada mereka.

Walaupun bagaimanapun, fatwa yang dikeluarkan sebagaimana di atas seharusnya memberi suatu penjelasan secara lebih terperinci secara bertulis dan tuntas serta memberi alasan yang

dianggap kukuh kenapa mangsa banjir tidak berhak mendapat peruntukan zakat. Tambahan pula fatwa yang diputuskan di atas kelihatan kurang sesuai dengan keperluan semasa dan perkembangan ilmu yang berlaku dalam masyarakat dalam era 1980-an dan 1990-an. Ini kerana masyarakat boleh merujuk kepada penulisan-penulisan yang dianggap kontemporari yang ditulis oleh penulis-penulis semasa seperti kitab *Fiqh al-Zakah* karangan Yusuf al-Qaradawi dan sebagainya (Rahimin Affandi. 2000).

Walaupun dalam fatwa di atas jelas menggambarkan mangsa banjir memang tidak disenaraikan secara langsung dalam *asnaf* zakat sebagaimana yang disebut di dalam al-Qur'an, namun ia tidak bererti mangsa banjir tidak berhak mendapat bantuan peruntukan zakat jika mereka termasuk di kalangan mereka yang memerlukan bantuan disebabkan kefakiran dan kemusnahan harta benda sehingga terpaksa berhutang dan sebagainya. Oleh itu, jika diperhatikan secara lebih mendalam dalam kes di atas, terdapat pandangan di kalangan ulama yang memasukkan mangsa banjir dalam kategori *sinf al-gharimin*. Ini kerana menurut al-Mujahid terdapat tiga kelompok yang boleh dikategorikan sebagai *sinf al-gharimin* iaitu pertama; mereka yang mengalami musibah apabila hartanya dimusnahkan oleh banjir, kedua; harta mereka yang musnah akibat kebakaran dan ketiga; mereka yang mempunyai keluarga tetapi tidak mempunyai harta (al-Thawri. 1403H; al-Tabari. 1405H).

Di samping itu, mereka yang mengalami musibah atau bencana seperti banjir dianggap memikul bebanan hidup dan termasuk di kalangan mereka yang fakir dan miskin (*asnaf al-fuqara' wa al-masakin*). Justeru boleh diagihkan peruntukan zakat kepada mereka agar dapat memulihkan semula kehidupan mereka seperti sediakala. Ini berdasarkan kepada satu hadis sebagaimana berikut yang bermaksud (al-Shawkani. 1973):

*Daripada Qabisah b. Mukhariq al-Hilali, ia berkata; "Aku memikul suatu bebanan, lalu aku datang bertemu Rasulullah s.a.w untuk menanyakan tentang bebanan tersebut". Sabda Rasulullah SAW; "Laksanakanlah, sehingga datang kepada kami zakat untuk diagihkan kepadamu! Kemudian Baginda menyambung sabdanya: "Wahai Qabisah, sesungguhnya meminta- minta peruntukan zakat tidak halal kecuali tiga golongan, pertama; orang yang memikul bebanan bagi mendamaikan dua pihak yang bersengketa, maka dihalalkan kepadanya meminta sehingga dapat meyelesaikan bebanan tersebut dan berhenti meminta. Kedua; orang yang ditimpa kebingungan kerana kerosakan harta bendanya, maka dibolehkan ia meminta sedekah sehingga ia dapat memenuhi keperluan hidupnya dan ketiga; orang yang mendapat kesulitan hidup sampai berkata tiga orang dari pembesar- pembesar kaumnya bahawa kesulitan hidup telah menimpa orang itu, maka kepadanya dihalalkan meminta sedekah sehingga memperolehi kekuatan untuk memenuhi keperluan hidup. Oleh itu, orang yang meminta selain daripada tiga golongan tersebut wahai Qabisah, maka ia termasuk usaha yang haram".*

*Hadis riwayat Ahmad, Muslim, al-Nasa'i dan Abu Dawud.*

Dalam menghuraikan maksud “orang yang ditimpa kebingungan kerana kerosakan harta bendanya”, Imam al-Shawkani (1973) salah seorang ulama dalam mazhab Shafici sendiri ada menyatakan yang bermaksud:



*Katanya (orang yang ditimpa kebingungan kerana kerosakan harta bendanya) itu adalah apa yang membinasa dan memusnahkan hartanya secara zahir seperti banjir dan kebakaran.*

Dengan adanya sebab-sebab demikian, mereka berhak mendapat peruntukan zakat tersebut sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qur'an iaitu dalam Surah al-Tawbah, ayat yang ke 57 hingga 60. Bahkan ia juga selari dengan pendapat majoriti fuqaha' termasuk dari kalangan mazhab Shafi'ei (al-Shirazi. t.th; al-Kasani. 1982; Ibn Qudamah. 1405H; al-Dirdir. t.th).

Justeru, menurut pengamatan penulis keputusan fatwa di atas yang mengatakan mangsa banjir tidak termasuk di dalam mana-mana *asnaf* zakat yang lapan jika mereka tiada apa-apa sebab atau faktor yang boleh dikaitkan dengan mana-mana *asnaf* yang telah dinyatakan di dalam al-Qur'an. Oleh sebab itu, fatwa di atas perlu diperjelaskan secara lebih terperinci agar masyarakat Islam tidak keliru dengan pernyataan fatwa seumpama itu. Terutama apabila sebahagian masyarakat Islam ditimpa dengan musibah yang besar sehingga berlaku kemusnahan nyawa dan harta benda. Ini kerana, halangan pemberian zakat kepada mereka yang ditimpa musibah sehingga menyebabkan kemusnahan harta benda boleh membantut kegiatan sosialnya. Bagi menjamin kehidupan sosial mereka, maka fatwa tersebut perlu memperincikan ciri-ciri mangsa banjir yang tidak boleh menerima zakat.

## **ZAKAT KEPADA ORANG BUTA**

Dalam pada itu terdapat pertanyaan pada soalan bilangan 94(3) dalam "Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masihi 1953-1970)" berhubung hukum zakat bagi seseorang yang memberi harta zakat kepada orang-orang buta ataupun miskin di dalam kampungnya dengan cara memberi kepada berbilang-bilang orang bukan dengan cara memberi kepada seorang.

Berhubung pertanyaan yang diketengahkan di atas, Mufti menyebut secara umum mengenai *asnaf* yang berhak mendapat zakat sebagaimana yang terkandung di dalam al-Qur'an dengan tidak mengutarakan pandangan dari mana-mana fuqaha' dan tidak menyebut sumber rujukan dari kitab-kitab fiqh. Beliau menegaskan bahawa orang buta tidak berhak menerima apa-apa bahagian daripada zakat jika ia tidak termasuk di dalam *asnaf* yang lapan sebagaimana yang diterangkan di dalam al-Qur'an sebagai orang yang berhak mendapat zakat (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th, masalah ke- 94 (3)).

Fatwa yang dinyatakan oleh Mufti di atas hanya menyebut rujukan daripada al-Qur'an tanpa disertakan nas tersebut. Namun menurut pengamatan penulis, ungkapan tersebut memang selari dengan pandangan majoriti fuqaha' termasuk Shaficiyyah yang bersepakat mengatakan bahawa tidak harus diagihkan zakat kepada selain mereka yang disebut di dalam al-Qur'an termasuk mereka yang mengalami masalah buta (al-Shirazi. t.th; al-Kasani. 198; Ibn Qudamah. 1405H; al- Dirdir. t.th).

Imam al-Nawawi (1997) ada mengatakan zakat tidak harus dikeluarkan kepada mereka yang mampu dan larat bekerja. Namun begitu, menurut beliau, kerja yang diusahakan itu mestilah bersesuaian dengan kedudukan dan maruah seseorang. Dengan kerja tersebut, dia

mampu membiayai perbelanjaan untuk diri dan keluarganya.

Berpandukan pendapat Imam al-Nawawi di atas, boleh dibuat kesimpulan bahawa orang buta tidak termasuk dalam kategori mereka yang berhak mendapat zakat jika dia mampu bekerja dan pekerjaannya itu layak dan sesuai dengan kedudukan dan maruah serta status sosialnya. Ini menggambarkan mufti mengambil kira faktor kemampuan dan kelayakan seseorang itu menerima peruntukan zakat. Dalam masa yang sama fatwa di atas juga seolah-olah bertindak sebagai saranan kepada masyarakat agar tidak memandang ringan mengenai golongan yang tidak boleh dikategorikan di kalangan *asnaf* zakat kerana ia akan menjejaskan penunaian zakat seseorang.

Dalam masa yang sama, mufti memberi galakan kepada mereka yang mempunyai harta dan kewangan yang lebih agar melakukan kebajikan dengan bersedekah dan pemberian kepada mereka yang memerlukannya. Namun begitu beliau mengingatkan masyarakat agar jangan menggunakan harta zakat untuk berbelanja seperti bersedekah dan pemberian sedangkan zakat belum lagi ditunaikan (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th, masalah 94(3)).

Fatwa di atas juga menyatakan secara umum tentang sandaran hukum melalui al-Qur'an tanpa mengemukakan dalilnya. Meskipun begitu, dalam mazhab Shafi'ei terdapat pendapat yang mengatakan bahawa manusia mempunyai hak untuk menguruskan hartanya sendiri bagi memenuhi keperluan hidupnya samada yang berkaitan dengan fizikal mahupun spiritual. Ini kerana dalam Islam terdapat masalah berhubung pemindahan hak atau milik dari seseorang kepada seseorang yang lain. Ia berlaku secara pertukaran ataupun percuma. Oleh itu, sedekah dan pemberian merupakan bentuk pemindahan milik dari seseorang kepada seseorang yang lain secara percuma tanpa memerlukan balasan dari pihak yang menerima sedekah dan pemberian tersebut ('Izz al-Din. t.th).

Dalam pada itu, seseorang itu tidak boleh meninggalkan perkara yang wajib kerana hendak melakukan perkara sunat. Kenyataan ini boleh dirujuk secara jelas dalam kitab *al-Ashbah wa al-Naza'ir* sebagaimana berikut (al-Suyuti. 1990, 1:264):

*Perkara yang wajib tidak boleh ditinggal kerana hendak membuat perkara sunat.*

Berpandukan penjelasan dari pendapat ulama di atas, maka sedikit sebanyak dijumpai unsur-unsur fiqh mazhab Shafici dan pandangan ulama selain mazhab Shafi'ei dalam membuat fatwa sekalipun tidak mengetengahkan pendapat dari fuqaha' dan sumber rujukan dari mana-mana kitab fiqh. Justeru fatwa yang telah dikemukakan oleh mufti di atas jelas mengambil kira kedudukan dan latar belakang sebenar individu yang ingin menerima zakat agar benar-benar mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh al-Quran dan hadis Rasulullah SAW.

## **WANG-WANG ZAKAT DIGUNAKAN UNTUK MEMBINA KILANG DAN INDUSTRI BAGI TUJUAN MEMBERI KERJA DAN KEMAHIRAN KEPADA FAKIR MISKIN**

Y.Bhg Dato' Hj. Zubir juga menimbulkan permasalahan tentang wang-wang zakat digunakan untuk membina kilang dan industri dan dibeli segala peralatannya bagi kegunaan memberi kerja dan kemahiran kepada orang-orang fakir miskin atau anak-anak mereka supaya mereka mempunyai pendapatan tetap yang mencukupi sara hidup tanpa berhajat menerima habuan

zakat lagi.

Setelah Mufti Engku Pangiran Arif DiRaja Dato" Engku 'Alwi b. Engku Ambak dan Jawatankuasa Fatwa mengkaji dan menimbang cadangan dalam kertas di atas, mereka memutuskan dan bersetuju menyatakan bahawa wang tersebut boleh digunakan untuk tujuan di atas. Hal ini menurut mereka adalah berpandukan kepada pendapat fuqaha' yang menyarankan supaya diberi peralatan kerja dan peralatan kemahiran kepada mereka (Minit Mesyuarat Kali Ke-2, Penggal Ke-4, Bil (iii), 10 Ramadhan 1417 bersamaan 19 Januari 1997).

Berdasarkan keputusan hukum yang dibuat oleh mufti dan jawatankuasa fatwa tentang permasalahan ini, penulis melihat keputusan hukum di atas boleh disesuaikan dengan perbincangan para fuqaha' dalam masalah kadar yang sepatutnya diberikan kepada fakir miskin meskipun dalam fatwa ini tidak memuatkan sumber rujukan walaupun mereka ada menyandarkan kepada pandangan fuqaha' dalam menyelesaikan sebahagian permasalahan di atas.

Mazhab-mazhab fiqh berbeza pendapat berhubung kadar yang sepatutnya diberikan kepada golongan fakir miskin. Ini kerana, dalam memenuhi keperluan bagi orang fakir dan miskin berbeza disebabkan ada perbezaan dari sudut keadaan dan latar belakang keluarga mereka. Namun para fuqaha' bersepakat mengatakan peruntukan yang wajar diberikan kepada fakir dan miskin adalah memenuhi keperluan atau sampai kepada had seseorang fakir dan miskin itu menjadi kaya (Ibn 'Abidin. 1405H; al-Nawawi. 1997).

Dalam hal ini, ulama Hanafi berpendapat bahawa seseorang itu dianggap cukup keperluan atau termasuk dalam kategori kaya adalah apabila ia mempunyai kadar nisab atau lebih (Ibn 'Abidin. 1405H). Menurut mazhab yang lain pula termasuk mazhab Shafi'ei mengatakan bahawa zakat boleh diberi kepada fakir miskin untuk mencukupi sepanjang kehidupannya. Imam Nawawi (1997) pernah menyatakan bahawa orang fakir miskin boleh diberikan zakat kepada mereka sehingga mencukupi.

Manakala fatwa mufti dan jawatankuasa fatwa yang menyarankan supaya diberi peralatan kerja dan peralatan kemahiran kepada mereka dilihat jelas mengambil kira pandangan ulama Shafi'ei. Mereka berpendapat wang-wang peruntukan zakat harus digunakan untuk membeli segala peralatan bagi kegunaan orang-orang fakir dan miskin supaya mereka mempunyai pendapatan tetap yang mencukupi saraan hidup tanpa berhajat menerima habuan zakat lagi (al-Nawawi. 1997).

Pendapat Imam al-Nawawi di atas boleh juga disesuaikan dengan pendapat dalam mazhab Imam Ahmad b. Hanbal yang menegaskan orang miskin boleh diberikan kepada mereka zakat untuk memenuhi semua keperluan hidupnya untuk selama-lamanya seperti gudang perdagangan, alat-alat pertukangan dan lain-lain. Terdapat pendapat ulama dalam mazhab Hanbali yang menyebut (al-Mardawi. t.th):

*Orang miskin dan fakir boleh mengambil peruntukan zakat yang mencukupi keperluan hidupnya untuk selama-lamanya seperti gudang perdagangan, alat-alat pertukangan dan sebagainya.*

Manakala pendapat kedua yang terdiri dari kalangan pengikut Maliki, kebanyakan pengikut Hanbali dan sebahagian ulama Shafici seperti al-Bunghawi, al-Ghazali dan selain mereka berdua pula, mengatakan orang fakir dan miskin boleh diberi zakat yang dapat

memenuhi keperluan dirinya dan orang-orang di bawah tanggungannya untuk masa setahun (al-Nawawi. 1997; Ibn Taymiyyah. 1404H; al-Mardawi. t.th; al-Dusuqi. t.th).

Mereka berpandangan bahawa zakat tidak perlu dibahagikan kepada golongan fakir dan miskin untuk seumur hidup tetapi hendaklah diberikan kepada mereka yang boleh mencukupi setahun. Ini kerana, pada kebiasaannya zakat diberi setiap tahun hasil daripada zakat melalui pelbagai sumber seperti wang, binatang ternakan, tanaman dan sebagainya. Namun begitu, pemberian zakat kepada mereka bagi mencukupi untuk tempoh setahun bukanlah suatu had yang ditentukan mengikut jumlah-jumlah tertentu. Bahkan mereka berhak mendapat jumlah yang lebih besar daripada nisab yang sepatutnya meskipun mereka akan menjadi kaya dengan sebab pemberian tersebut (al-Nawawi. 1997; Ibn Taymiyyah. 1404H; al-Mardawi. t.th; al-Dusuqi. t.th).

Berpandukan penjelasan di atas, jelas menggambarkan bahawa fatwa yang dikemukakan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa di atas jelas mengambil pandangan daripada mazhab Shafici terutama pendapat-pendapat yang dinyatakan oleh Imam Nawawi berhubung masalah di atas. Jawapan yang telah dikemukakan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa di atas menggambarkan seolah-olah memberi peluang kepada orang fakir dan miskin untuk berdikari dan berusaha untuk memperbaiki kehidupan mereka. Bahkan ia bukan sahaja memberi manfaat kepada diri dan keluarga mereka bahkan untuk masyarakat dan negara. Ini kerana antara peranan yang dimainkan melalui wang zakat yang dikutip adalah membangunkan dan melestarian ekonomi umat Islam dengan cara membina kilang-kilang perusahaan untuk menyediakan pekerjaan kepada orang Islam. Justeru, jawapan tersebut dilihat bersesuaian dan bertepatan dengan kes yang dibincangkan di atas.

## PEMINDAHAN ZAKAT

Timbul permasalahan dalam kalangan masyarakat Terengganu mengenai hukum memindahkan zakat. Hal ini berlaku jika sekiranya kedudukan negeri-negeri berlainan dan berasingan antara satu sama lain sama ada dari sudut pentadbiran atau pemerintah. Walau bagaimanapun, jika kedudukan negeri sebagaimana negeri-negeri yang ada di Malaysia, maka masyarakat Islam yang berada dalam negeri-negeri tersebut dianggap mempunyai kedudukan yang sama dari sudut kemaslahatan dan kedudukan yang dikategorikan sebagai *asnaf* zakat (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th).

Dalam jawapan fatwa dalam masalah bilangan 51 (2), Mufti Shaykh Sayyid Yusuf b. 'Ali al- Zawawi mengemukakan perselisihan pendapat di kalangan ulama jika pembayar zakat itu sendiri mengagihkan zakat itu. Namun jika pemerintah sendiri mengambil tanggungjawab mengagihkan harta zakat, menurut Imam al-Rafi'i, ia harus dipindahkan kerana pemerintah lebih mengetahui masalah dalam mengagihkan zakat (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th). Dalam jawapan fatwa Mufti di atas dilihat jelas mengambil kira pandangan dari ulama mazhab Shafi'ei iaitu Imam al-Rafi'i. Pandangan Imam al-Rafi'i itu boleh dirujuk dalam kitab al-Majmu' yang menyatakan (al-Nawawi. 1997):

*Dan ketahuilah bahawa ungkapan pengarang membawa maksud secara pasti diharuskan pemindahan zakat bagi pemerintah dan orang yang ditugaskan mengutip harta zakat (amil). Sedangkan pertelingkahan yang diketahui di*

*kalangan ulama berhubung pemindahan zakat ialah mengenai pemindahan tuan punya harta tersebut secara khusus, dan ini pendapat yang palih kuat. Dalam pada itu, menurut al-Rafi'i, boleh jadi ungkapan ulama Shafi'eiyyah itu membawa maksud menolak pertelingkahan dalam masalah pemerintahan dan amil dan boleh jadi membawa maksud harus bagi pemerintah dan amil melakukan pemindahan zakat dengan membahagikan menurut kemahuan mereka (berpandukan kemaslahatan). Beliau berkata; dan ini lebih menyerupai dan ini yang telah ia sokong, dan ia adalah rajih yang lebih sesuai dan menepati dengan pengertian hadis-hadis Rasulullah s.a.w.*

Selain itu, mufti memuatkan pandangan dari Imam Shafici dalam kitab al-Umm sebagai mengulas pendapat sesetengah ulama bahawa harta zakat adalah salah satu daripada harta-harta Allah SWT yang dibahagikan kepada mereka yang berhak menerimanya menurut *asnaf* yang telah ditetapkan demi kebajikan hamba-hamba Allah SWT. Justeru pemerintah hendaklah menghalusi dengan teliti dan terpulanglah kepadanya memindahkan bahagian-bahagian itu kepada mereka yang berhak kepadanya di mana jua mereka berada menurut ijtihad dan pandangan pemerintah samada mereka dekat ataupun jauh (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th, Masalah ke-51).

Dalam jawapan fatwa mufti di atas nampaknya amat jelas ia berpandukan kepada pandangan Imam Shafi'ei (1393H) sendiri yang menyatakan mengenai peranan pemerintah membahagikan harta zakat kepada mereka yang berhak menerimanya. Imam Shafici menegaskannya sebagaimana berikut:

*Sesungguhnya harta zakat adalah salah satu daripada harta-harta Allah s.w.t yang dibahagikan kepada mereka yang berhak menerimanya menurut asnaf yang telah ditetapkan demi kebajikan hamba-hamba Allah s.w.t. Justeru pemerintah hendaklah menghalusi dengan teliti dan terpulanglah kepadanya memindahkan bahagian-bahagian itu kepada mereka yang berhak kepadanya di mana jua mereka berada menurut ijtihad dan pandangan pemerintah samada mereka dekat ataupun jauh.*

Meskipun pandangan mazhab Shafici nampaknya menguasai jawapan fatwa yang dikemukakan oleh mufti di atas, namun dalam kes ini, fatwa mufti turut memuatkan pandangan mazhab-mazhab yang lain yang mempunyai kesimpulan hukum yang sedikit berbeza dengan mazhab Shafi'ei. Pernyataan ini sebenarnya bukan sahaja menyatakan pelbagai pandangan mazhab-mazhab lain, namun ia juga dilihat sebagai suatu sikap keterbukaan daripada mufti. Bahkan sesetengah pandangan dari mazhab-mazhab yang lain dilihat boleh meluaskan lagi kuasa pemerintah dalam menguruskan harta zakat demi kemaslahatan masyarakat Islam.

Justeru, mufti menerangkan sesetengah pendapat dalam mazhab-mazhab yang lain adalah untuk menjelaskan bahawa kuasa pemutus adalah terserah kepada pemerintah atau pihak yang berkuasa untuk menjalankan pembahagian zakat. Ini bertujuan untuk mendatangkan kebajikan kepada kaum Muslimin kerana orang-orang Islam diumpamakan oleh Rasulullah SAW sebagai satu tubuh badan. Rentetan itu mufti memuatkan juga pandangan dari mazhab-mazhab yang lain sebagaimana berikut (Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th,

masalah ke-51 (2):

- i. Mazhab Hanafi mengharuskan pemindahan zakat tetapi ada qawl yang menyatakan makruh memindahkannya jika lain dari tujuannya. Walau bagaimanapun jika ia memberi zakat kepada kaum kerabat yang dalam kesusahan atau satu-satu golongan yang sangat memerlukan zakat itu lebih daripada penduduk-penduduk negerinya atau dengan pemindahan itu akan lebih memberi kebajikan kepada orang-orang Islam atau dia memindahkannya dari negeri kafir ke negeri Islam atau kepada penuntut-penuntut ilmu atau zakat itu dikeluarkan dahulu sebelum daripada tiba masa cukup hawlnya, maka tidak dianggap makruh memindahkan zakat tersebut (al-Zayla'i. 1313H).
- ii. Menurut Imam Malik (t.th), tidak harus memindahkan zakat kecuali jika penduduk satu-satu negeri itu mengalami kesempitan dan kesusahan, maka Imam atau pemerintah hendaklah memindahkan zakat itu kepada mereka itu menurut pandangan dan penelitiannya sendiri.
- iii. Menurut Ibn Qudamah (1405H) dari mazhab Hanbali, jika orang yang mengeluarkan zakat itu menyalahi (tidak mengeluarkan zakatnya dalam negeri) dan memindahkannya nescaya gugurlah fardu zakat itu menurut sebilangan besar dari ulama.

Berdasarkan penjelasan hukum yang dikemukakan oleh Mufti di atas, memperlihatkan anjakan paradigma dan sikap keterbukaan serta memberi kelonggaran bagi menerima pakai pandangan selain mazhab Shafi'ei dalam fatwa beliau jika ia melibatkan kepentingan awam. Selain itu, fatwa di atas dapat menggalakkan lagi umat Islam menunaikan zakat.

### **AGIHAN BAHAGIAN FAKIR MISKIN (2/7) OLEH SYARIKAT-SYARIKAT YANG MEMBAYAR ZAKAT**

Terdapat banyak agensi atau syarikat yang membayar zakat. Namun timbul persoalan adakah boleh agensi-agensi dan syarikat-syarikat yang membayar zakat mengambil 2/7 bahagian fakir/miskin untuk diagihkan kepada pelajar-pelajar atau kakitangan-kakitangan yang fakir/miskin yang ada di agensi-agensi atau syarikat-syarikat tersebut.

Keputusan fatwa yang dibuat oleh mufti dan jawatankuasa fatwa terhadap persoalan di atas dilihat memberi kelonggaran kepada pemilik-pemilik harta untuk mengagihkan sendiri harta zakat mereka kepada mereka yang berhak menerimanya di kalangan kakitangan atau pekerja mereka. Oleh itu, setelah mereka bermesyuarat dan membuat keputusan bahawa tidak ada halangan bagi syarikat-syarikat yang membayar zakat mengambil 2/7 bahagian fakir/miskin untuk diagihkan sendiri kepada kakitangan dengan syarat agihan tersebut tepat kepada mereka yang berhak (Minit Mesyuarat Kali Ke-1, Penggal Ke-5, 13 Sya'ban 1420 bersamaan 21 November 1999, soalan 7).

Walaupun bagaimanapun, jawapan yang dikemukakan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa agak ringkas tanpa memuatkan rujukan dari kitab-kitab fiqh dan pendapat para fuqaha'. Sedangkan menurut penganalisisan penulis, fatwa di atas boleh disesuaikan dengan mazhab Shafi'ei. Ini kerana dalam mazhab Shafi'ei ada mengatakan pemilik boleh mengagihkan sendiri zakat hartanya jika berbentuk tidak zahir seperti emas, perak, harta perdagangan, zakat fitrah

dan sebagainya. Namun jika harta tersebut harta yang zahir, terdapat dua pendapat dalam mazhab Shafici berhubung masalah tersebut. Menurut *qawl qadim*, wajib membayar zakat kepada pemerintah jika harta zakat tersebut berbentuk harta zahir seperti binatang ternakan, tanaman, buah-buahan dan seumpamanya. Bahkan jika seseorang itu membahagikan sendiri zakat tersebut, wajib dia menggantikan semula zakat tersebut dan diserahkan kepada pemerintah. Manakala menurut *qawl jadid* pula, harus bagi seseorang itu membahagikan sendiri zakatnya kepada mereka yang memerlukan (al-Shirazi. t.th).

Sementara itu, menurut ulama Hanafi dan Maliki, zakat wajib diberikan kepada pemerintah jika zakat harta itu ialah harta yang zahir seperti binatang ternak, tanaman, buah-buahan dan harta yang dibawa oleh peniaga di hadapan pemungut cukai . Justeru apa sahaja zakat yang dikeluarkan sendiri oleh tuannya tidak dikira (al-Kasani. 1982; al-Gharnati. 1985).

Menurut ulama mazhab Hanafi lagi, pemerintah boleh mengambil alih pengurusan zakat daripada pemilik jika pemerintah mengetahui penduduk negerinya tidak mengeluarkan zakat harta tak zahir. Namun jika pemerintah tidak mengetahui hal tersebut, maka tidak wajib pemerintah mengambil alih pengurusan kerana bertentangan dengan *ijma'* ulama (al-Kasani. 1982; Ibn 'Abidin. t.th).

Manakala ulama mazhab Hanbali pula berpendapat bahawa pemilik harta tidak wajib menyerahkan zakat kepada penguasa tetapi harus bahkan sunat bagi seseorang itu mengagihkan zakat dengan sendirinya agar dia merasa yakin zakatnya itu sampai kepada mereka yang berhak samada harta tersebut merupakan harta zahir atau tak zahir. Selain itu, terdapat sesetengah pendapat dari kalangan mereka mengatakan bahawa wajib seseorang itu menyerahkan zakatnya kepada pemerintah apabila diminta berbuat demikian. Menurut setengah pendapat Hanbali yang menyatakan sebagaimana berikut (al-Mardawi. t.th):

*Dan setengah ulama berpendapat bahwa wajib menyerahkannya (zakat) kepada pemerintah apabila dituntut berbuat demikian.*

Bahkan sesetengah mereka berpendapat, harus bagi pemerintah mengambilnya sama ada pemerintah itu adil atau zalim dan samada harta tersebut zahir atau tak zahir (Ibn Qudamah. t.th; Ibn Qudamah. 1405H).

Justeru keputusan hukum yang telah diambil oleh mufti dan jawatankuasa fatwa di atas seolah-olah menunjukkan kemunasabahan dan kesesuaian dengan kes yang dikemukakan. Bahkan pihak syarikat amat mengetahui golongan yang layak menerima bantuan zakat di antara kakitangan dan pekerja mereka. Keadaan ini boleh menggalakkan lagi masyarakat Islam yang memiliki agensi- agensi dan syarikat-syarikat mengeluarkan zakat sendiri serta boleh meningkat taraf kehidupan dan kemaslahatan kakitangan atau pekerja mereka sendiri.

## KESIMPULAN

Zakat merupakan suatu institusi yang perlu diberi perhatian oleh pemerintah bahkan oleh segenap lapisan masyarakat. Ini kerana, sistem kutipan dan agihan zakat yang dilakukan secara efisien memberi impak yang sangat besar kepada kedudukan sosial masyarakat Islam di Terengganu.

Walau bagaimanapun dari sudut penguatkuasaan, tiada satu pun fatwa mengenai zakat yang dikeluarkan secara warta oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa yang boleh dikuatkuasakan ke atas masyarakat Islam di Terengganu. Ini memandangkan hanya beberapa fatwa sahaja diwartakan yang kebanyakannya melibatkan aspek akidah dan sebahagian kecil sahaja yang melibatkan aspek Syariah. Tambahan pula, majoriti fatwa zakat dikeluarkan dianggap sebagai satu pandangan dan panduan kepada masyarakat tanpa dikuatkuasakan ke atas masyarakat Islam di Terengganu.

Justeru mereka bebas untuk mengamalkannya ataupun tidak fatwa-fatwa tersebut kerana tidak ada tindakan yang akan dikenakan bagi mereka yang enggan mengikut fatwa-fatwa tersebut.

Justeru kebanyakan fatwa yang dikeluarkan oleh Jabatan Mufti Terengganu termasuk fatwa yang berkaitan zakat sebahagiannya tidak diterima pakai oleh masyarakat setempat di atas alasan-alasan yang tertentu. Antara alasan yang kukuh adalah kerana kebanyakan fatwa termasuk bab zakat tidak diwartakan oleh kerajaan. Sedangkan apabila sesuatu fatwa tersebut diwartakan, ia melambangkan autoriti fatwa tersebut. Fatwa yang mempunyai autoriti boleh mengikat masyarakat Islam dari sudut perundangan agar mengikutinya dan tidak melanggarnya.

Justeru fatwa yang tidak mempunyai autoriti tidak boleh dikuatkuasakan dan tidak menjadi kesalahan ke atas masyarakat Islam yang bermastautin di Terengganu jika mereka melanggar fatwa tersebut. Ini boleh menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan menjejaskan keberkesanan setiap fatwa yang dikeluarkan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa Negeri terutamanya yang berkaitan dengan zakat. Fatwa yang berkenaan "amil yang dilantik oleh kerajaan hanya dibenarkan mengutip zakat tidak diwartakan, akan menyebabkan kerugian kepada kerajaan dan akan menjejaskan pendapatan harta zakat Baitulmal untuk diagihkan kepada *asnaf* yang memerlukannya.

Menurut pengamatan penulis, perkara seumpama ini tidak sewajarnya berlaku kerana institusi fatwa dianggap penting dalam memberi penjelasan hukum kepada masyarakat Islam termasuk fatwa berkaitan zakat yang sentiasa berhadapan dengan perkembangan semasa. Oleh demikian, fatwa yang tidak berautoriti yang dikeluarkan oleh Mufti dan Jawatankuasa Fatwa dianggap sebagai tempat untuk meminta penjelasan hukum oleh masyarakat tetapi dalam masa yang sama mereka bebas sama ada untuk mengamalkannya ataupun tidak.

Rentetan itu, ia akan menjejaskan kewibawaan institusi fatwa dari sudut kaca mata masyarakat dan boleh membawa mereka yang tidak memahami hukum Syarak untuk melakukan perkara-perkara negatif atau melanggar peraturan syarak. Justeru dengan penguatkuasaan fatwa zakat dan fatwa-fatwa yang lain boleh menstabilkan kedudukan sosial masyarakat Islam di Terengganu dan menyelamatkan mereka dari terjerumus kepada perkara-perkara yang diharamkan oleh Syarak.

Jawapan fatwa yang telah diberikan oleh mufti dan jawatankuasa fatwa di atas menunjukkan bahawa zakat memberi kesan yang sangat besar dalam meningkatkan sosial dan ekonomi umat Islam khususnya di Terengganu. Namun begitu, terdapat beberapa perkara yang perlu dipertingkatkan terutama dari sudut pengurusan terutama perundangan zakat yang perlu disemak agar ia selari dengan keperluan semasa dan setempat.



## RUJUKAN

- al-Dirdir, Abu al-Barakat Saydi Ahmad (t.t), al-Sharh al-Kabir, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Dusuqi, Sham al-Din al-Shaykh Muhammad (t.t), Hashiyah al-Dusuqi 'ala Sharh al-Kabir, (Muhammad 'Alisy, e.d), 4 j., Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Gharnati, Muhammad b. Ahmad b. Juziy (1985M), al-Qawanin al-Fiqhiyyah, Tab'ah 'Alam al-Fikr.
- al-Hanbali al-Ba'li Badr al-Din Abu 'Abd Allah Muhammad b. 'Ali al- (1407H/1986M), Mukhtasar al- Fatawa al-Misriyyah, al-Dimam al-Su'udiyyah: Dar Ibn al-Qayyim, c. 2, Muhammad Hamid al-Faqi (ed)
- al-Kasani „Ala al-Din Abu Bakr b. Mas'ud (1982M), al-Badai' al-Sana'i fi Tartib al-Shara'i',c.2, Beirut: Dar al-Kitab al-„Arabi
- al-Mardawi, Abu al-Hasan 'Ali b. Sulayman (t.t), al-Insaf, Beirut: Dar Ihya' al-Turath, Hamid al-Faqi (ed)
- al-Nawawi, Muhy al-Din Abu Zakariyya b. Sharf. 1997, al-Majmu' Sharh al-Muhadhdhab, 20 j., (j. 1 – j. 9 oleh al-Nawawi, j. 10 – j. 12 oleh 'Ali b. Abd al-Kafi al-Subki dan j. 13 – j. 20 oleh Muhammad Najib al-Muti'i), Madinah: al-Maktabah al-Salafiyyah.
- al-Qaradawi, Yusuf al- (1420H/2000M), Fiqh al-Zakah, c. 24, Beirut: Muassasah al-Risalah al-Sayyid Muhammad Shata al-Dimyati. t.th, I'ناه al-Talibin, Beirut: Dar al-Fikr.
- al-Shafici, Abu 'Abd Allah Muhammad b. Idris. 1393H, al-Umm, Beirut: Dar al-Ma'rifah, c. 2.
- al-Sharbini, Shams al-Din Muhammad b. Muhammad al-Khatib. t.th, Mughni al-Muhtaj, 4 j., Beirut: Dar al-Fikr dan Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Shawkani, Muhammad b. „Ali b. Muhammad (1973M), Nayl al-Autar, Beirut: Dar al-Jayl.
- al-Shirazi, Ibrahim b. 'Ali b. Yusuf al-Fayruzabadi Abu Ishaq. t.th, al-Muhadhdhab, Beirut: Dar al- Fikr.
- al-Suyuti, Jalal al-Din. 1411H/1990M, al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqh al- Shafi'iyyah, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- al-Tabari, Abu Ja'far Muhammad Jurir b. Yazid b. Khalid (1405H), Tafsir al-Tabari, Beirut: Dar al- Fikr.
- al-Thawri, Abu 'Abd Allah Sufyan b. Sa'id b. Masruq al-Tahwri (1403H), Tafsir al-Thawri, Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- al-Zayla'i, Fakhr al-Din 'Uthman b. 'Ali. 1313H, Tabyin al-Haqa'iq, Kaherah: Dar al-Kutub al-Islami. Ibn 'Abidin, Muhammad Amin b. 'Umar b. 'Abd 'Aziz (t.t), al-Radd al-Muhtar, Saudi Arabia: al-Maktabah al-Shamilah (ed. 2
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah b. Ahmad b. Muhammad (1405H), al-Mughni, Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Qudamah, Abu Muhammad 'Abd Allah b. Ahmad b. Muhammad (t.t), al-Kafi Fi Fiqh Ibn Hanbal, Beirut: al-Maktabah al-Islami.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad b. 'Abd al-Halim b. 'Abd al-Salam (1404H), al-Muharrar Fi al-Fiqh, Riyad: Maktabah al-Ma'arif, c. 2
- 'Izz al-Din b. 'Abd al-Salam, Abu Muhammad (t.t), Qawa'id al-Ahkam fi Masalih al-Anam, Kaherah: Matba'ah al-Istiqamah
- Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Terengganu. t.th, Fatwa-Fatwa Mufti Kerajaan Negeri Terengganu (daripada tahun Hijrah 1372-1389 bersamaan tahun Masehi 1953-1970".

- Muhammad b. Yusuf b. Abu al-Qasim al-'Abdari Abu 'Abd Allah (1398H), al-Taj wa al-Iklil, c. 2, Beirut: Dar al-Fikr.
- Minit Mesyuarat Kali Pertama, Penggal Pertama, 15 Jamadil Akhir 1408 bersamaan 24 Januari 1988.
- Minit Mesyuarat Kali Ke-1, Penggal Ke-5, 13 Sya'ban 1420 bersamaan 21 November 1999, soalan 7.
- Minit Mesyuarat Kali Ke-2, Penggal Ke-4, bil (iii), 10 Ramadhan 1417 bersamaan 19 Januari 1997. Rahimin Affandi Abdul Rahim (2000), "Fiqh Malaysia: Suatu Tinjauan Sejarah", dalam Fiqh Malaysia Ke Arah Pembinaan Fiqh Tempatan Yang Terkini, Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya
- Wan Zulkifli bin Wan Hassan. 2009, Pengaruh Mazhab Shafi'i Dalam Fatwa Mengenai Zakat Di Terengganu: Kajian Dari Tahun 1953-2005, dalam Tesis Ph.D, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.